



## MAJLIS BANDARAYA IPOH

### ARAHAN KEWANGAN BIL. 10/2018

Rujukan : Bil ( 22 ) dlm.MBI.B1/12/1/12 JLD.2

Jabatan Perbendaharaan  
Majlis Bandaraya Ipoh

30 Mei 2018

Setiausaha Bandaraya /  
Pengarah-Pengarah Kanan /  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Semua Pembantu Tadbir (Kanan)  
Majlis Bandaraya Ipoh

Tuan / Puan,

#### **PENGELUARAN BIL INVOIS CUKAI BAGI PINDAAN KADAR CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) DARI 6% KEPADA SIFAR (0%) BERKUATKUASA PADA 1 JUN 2018**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan pihak Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan perwartaan Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2018 Warta Kerajaan Persekutuan P.U (A) 118 bertarikh 16 Mei 2018 berkaitan pindaan kadar CBP dari 6% kepada 0% berkuatkuasa pada 1 Jun 2018. Oleh yang demikian, pindaan kadar tersebut akan dilaksanakan di peringkat Majlis Bandaraya Ipoh (MBI).

3. Sehubungan dengan itu, mulai 1 Jun 2018 Jabatan Perbendaharaan akan membuat perubahan kadar bil Invois Cukai 6% kepada 0% bagi hasil-hasil seperti sewaan, perolehan dari jualan barang-barang dan terimaan perkhidmatan yang tertakluk samada CBP diserap atau dikenakan kepada pengguna di peringkat Majlis Bandaraya Ipoh.

4. Ketua Bahagian/Unit/Pembantu Tadbir (Kanan) hendaklah memastikan pengguna sistem SPBT yang diberi tanggungjawab dalam proses pengeluaran bil supaya dapat menyemak semula bil Invois Cukai yang dikeluarkan seperti berikut:

TARIKH BERKUAT KUASA	PROSES PENGELOUARAN BIL
<b>SEBELUM 1 JUN 2018</b>	Invois Cukai bagi bil-bil yang tertakluk kepada CBP 6% sebelum 1 Jun 2018 masih perlu diambilkira kadar CBP 6%.
<b>PADA ATAU SELEPAS 1 JUN 2018</b>	Pada atau selepas 1 Jun 2018 Invois Cukai bagi bil-bil dicetak dan dikeluarkan pada kadar CBP 0% secara automatik.

5. Sebagai panduan, bersama-sama ini dikepalkan contoh bil Jualan Tunai seperti di lampiran.

6. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua anggota bagi perkara ini adalah amat dihargai. Perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"

(DATO' ZAMRI BIN MAN)  
Datuk Bandar Ipoh.

**"LESTARIKAN INOVASI, LUHURKAN INTEGRITI"**